



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
كلية الدراسات الإسلامية  
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

**AL-TURATH**  
Journal of al-Quran and al-Sunnah

## AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 7 ISSUE 2 2022

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOMEPAGE:

<https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/index>


### Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

### Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University Of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



# Rukhsah Terhadap Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU)

Mohammad Asyiq Azwar Mohammad Idris, Mohd Arif Nazri  
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
*asyiqazwar@gmail.com*

---

## Article history

Received:  
20/05/2022

Received in revised:  
26/08/2022

Accepted:  
01/10/2022

Published online:  
01/12/2022

## Abstrak

Peranan utama wahyu adalah menetapkan tatacara manusia untuk beragama dan melalui wahyu ini para ulama telah membahaskan beberapa isu yang perlu diketahui oleh golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam melakukan ibadah kerana terdapat ibadah yang wajib dilaksanakan dan ia tidak boleh ditinggalkan dengan sebarang alasan dan terdapat juga ibadah yang boleh ditinggalkan atas sebab-sebab tertentu. Keterbatasan golongan OKU dalam menjalani kehidupan beragama khususnya keperluan mereka terhadap pelbagai rukhsah atau keringanan banyak disebut dalam wahyu sama ada al-Quran dan al-Sunnah. Keterbatasan fizikal mereka bukan alasan untuk mereka dikecualikan atau meninggalkan beberapa kefarduan kerana mereka juga termasuk mukallaf. Artikel ini membahaskan beberapa aspek penting dalam ibadah yang melibatkan OKU dengan menggunakan metode kualitatif berbentuk analisis dokumen berpandukan rujukan kitab-kitab fiqh yang membahaskan permasalahan ini seperti al-Umm, al-Najm al-Wahhaj, al-Mu'tamad dan al-Fiqh al-Manhaji. Artikel ini menyentuhkan ibadah badaniyyah dan maliyyah iaitu solat, puasa, zakat, haji dan nikah cerai. Selain itu, artikel turut meletakkan peranan pembawa wahyu iaitu Rasulullah SAW dalam melayani dan berinteraksi dengan golongan OKU. Tuntasnya, peranan wahyu yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah banyak memberikan rukhsah serta menimbulkan beberapa hikmah hasil daripada interaksi Rasulullah SAW dengan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Kajian mencadangkan agar perbincangan ini perlu diteruskan lagi bagi perincian rukhsah yang bergantung kepada jenis-jenis penyakit, genetik dan kecacatan yang dihadapi. Selain itu, penambahan kepada mencari hikmah di sebalik rukhsah yang diberikan oleh syarak agar golongan OKU ini dapat merasa mereka bukan daripada kalangan yang diisolasikan oleh agama.

**Kata Kunci:** Orang Kelainan Upaya (OKU), Pensyariatan, Wahyu, Hikmah, Ruksah



### Abstract

The main role of revelation is to set the human practice for religion and through this revelation the scholars have discussed some issues that need to be known by people with disabilities in performing worship because there is worship that must be performed and it can not be left with any reason and there is also worship which can be omitted for certain reasons. The limitations of the disabled in living a religious life, especially their need for various rukhsah or relief are mentioned in the revelation of either the Quran and the Sunnah. Their physical limitations are not a reason for them to be exempted or leave some obligations because they also include mukallaf. This article discusses some important aspects of worship involving the disabled by using qualitative methods in the form of document analysis based on references to books of jurisprudence that discuss this issue such as al-Umm, al-Najm al-Wahhaj, al-Mu'tamad and al-Fiqh al -Manhaji. This article touches on badaniyyah and maliyyah worship, namely prayer, fasting, zakat, hajj and marriage. Apart from that, the article also places the role of the bearer of revelation, namely Rasulullah SAW in serving and interacting with the disabled. Finally, the role of revelation based on al-Quran and al-Sunnah gives a lot of rukhsah and raises some wisdom as a result of the interaction of Rasulullah SAW with the People with Disabilities. The study suggests that this discussion should be continued further for the details of rukhsah which depend on the types of diseases, genetics and defects suffered. Apart from that, in addition to seeking wisdom behind the rukhsah given by syarak so that the disabled can feel that they are not from a group that is excluded by religion.

**Keywords: People with Disabilities, Syariah, Revelation, Wisdom, Rukhsah.**

### PENGENALAN

Wahyu adalah permulaan sumber yang digunakan dalam syarak iaitu dalam tempoh 23 tahun Rasulullah SAW dilantik menjadi utusan Allah SWT sebelum ia disusun menjadi disiplin ilmu yang disusun oleh para ulama mengikut kategorinya seperti fiqh, akidah, akhlak, dan lain-lain. Perkara ini bertepatan dengan Al-Huwaymil (2014) dalam Majallat al-cUlum al-Syarciiyah menyatakan wahyu merupakan perkara yang diturunkan oleh Allah SWT kepada para Nabi berbentuk berita ghaib dan perkara-perkara syarak. Begitu juga, Fadl Hasan (2007) membawa takrifan wahyu iaitu pemberitahuan oleh Allah SWT kepada para Nabi berkaitan hukum syarak dan semisalnya. Berdasarkan takrifan wahyu yang dibawakan, maka ia boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Al-Quran merupakan Kalam Allah yang diturunkan ke atas Nabi Muhammad SAW yang mengandungi mukjizat, membacanya merupakan satu ibadah, disampaikan kepada kita secara mutawatir (Fadl Hasan 2007 & Mahmud Tahhan 2012). Manakala al-Sunnah adalah setiap perkara yang bersumberkan dari Nabi SAW sama ada daripada perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat.

Ibadah merupakan perkataan dan perbuatan yang diperintah oleh syarak sesuai dengan kehendak dan kerediaan daripada Allah SWT (Sajidah 2009). Muhammad Nabil (2016) menukikan daripada Ahmad bin cAbd al-Halim bahawa ibadah membawa maksud ism jamic setiap perkara yang disukai serta diredai oleh Allah SWT daripada percakapan dan perbuatan yang zahir mahupun batin. Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) merupakan mukalaf yang diperintahkan untuk melakukan ibadah seperti golongan tipikal yang lain. Golongan OKU dikategorikan kepada empat iaitu kurang upaya penglihatan, pendengaran, anggota dan akal (Abdul Munir et. al 2015). Penggunaan terma 'kurang' pada akronim OKU adalah lebih tepat digantikan dengan 'kelainan' seperti disebut oleh Norsaadah et. al (2019) dan Azman (2018) kerana golongan ini hanya berbeza daripada segi keupayaan yang terjadi secara semulajadi dan berbeza daripada segi fizikal. Oleh itu, golongan OKU tidak terlepas daripada melakukan kewajipan ibadah melainkan kepada kategori OKU yang mempunyai masalah akal kerana ia tidak termasuk dalam kategori mukalaf seperti yang terdapat dalam hadis yang diriwayatkan oleh cA'ishah RA:

Maksudnya:

“Pena pencata amal dan dosa diangkat daripada tiga golongan iaitu orang yang tidur hingga dia bangun, orang gila hingga dia waras dan kanak-kanak hingga dia baligh”.  
(HR. Abu Dawud, nombor 4398, al-Arna’ut berkata hadith ini Isnaduh Sahih)

## 1. Rukhsah dalam syariat Islam

Ismacil Ghaziy (2016) takrif bagi rukhsah (kelonggaran) adalah hukum syarak yang diubah daripada susah kepada mudah disebabkan keuzuran. Hukum rukhsah yang terdapat dalam Islam adalah satu bentuk rahmat bagi penganutnya dalam pada masa sama ia tidak keluar daripada garis panduan syariat (Ismacil Ghaziy 2016). Ibadah telah ditetapkan oleh Allah SWT melalui wahyu diturunkan kepada Rasulullah SAW, ia merupakan tanggungjawab yang boleh dilaksanakan oleh setiap orang Islam tanpa rasa susah dan membebankan sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya:

“Sesungguhnya agama (Islam) itu mudah dan tidaklah seseorang yang menyusahkan agama kecuali dia akan dikalahkan (semakin berat dan susah)....”  
(HR. Al-Bukhari, nombor 39)

Sebagaimana Nizām al-Dīn (1996) mengatakan bahawa Allah SWT telah memberikan keluasan dan tidak menyusahkan hambanya dengan menetapkan hanya lima waktu solat, puasa dalam sebulan sahaja dan menunaikan haji hanya sekali bagi yang mampu.

Ibn al-Mundhir (2002) ketika menafsirkan surah al-Baqarah ayat 286:

Maksudnya:

“Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya”.

Beliau mengatakan ia adalah untuk orang beriman iaitu Allah SWT telah memudahkan bagi mereka berkaitan urusan agama. Pada firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 78:

Maksudnya:

“Dan Ia (Allah) tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama”.

al-Shacrāwī (2010) mengatakan pada ayat ini Allah SWT menjadikan semua perintah syarak adalah mudah dan mampu dilaksanakan, diberikan rukhsah (kelonggaran) bagi mereka yang tidak mampu melakukannya seperti dalam solat dibenarkan untuk duduk bagi tidak mampu, dibolehkan berbuka ketika puasa Ramadan bagi yang sakit dan tidak perlu mengeluarkan zakat bagi orang fakir. Al-Sacdī (2002) ketika menafsirkan ayat 16 Surah al-Taghābun firman Allah SWT:

Maksudnya:

“Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya upaya kamu”.

Beliau menyatakan ayat ini memberi petunjuk bahawa jika seseorang tidak mampu melakukan satu-satu perintah wajib dalam agama maka dibolehkan untuk melakukannya mengikut kadar kemampuannya sahaja. Terdapat juga ayat al-Quran yang menyatakan tentang rukhsah kepada golongan tipikal seperti dalam surah al-Nur ayat 60, firmanNya:

Maksudnya:

“Dan mana-mana perempuan tua yang telah putus kedatangan haid, yang tidak mempunyai harapan berkahwin lagi, maka tidak ada salahnya mereka menanggalkan pakaian luarnya dengan tidak bertujuan mendedahkan perhiasan mereka; dalam pada itu perbuatan mereka menjaga kehormatannya (dengan tidak menanggalkan pakaian luarnya itu adalah) lebih baik bagi mereka; dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

Al-Sacdi (2011) mengatakan orang tua yang disebutkan dalam ayat di atas ialah perempuan tua yang tidak lagi mempunyai syahwat dan juga tidak ada keinginan untuk berkahwin, maka mereka tidak dikira berdosa jika aurat mereka terdedah sedikit tanpa sengaja. Jika ayat ini ditujukan kepada orang tipikal diberikan rukhsah dalam perkara ini, apatah golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), maka lebih banyak kelonggaran dan keringanan yang diberikan oleh syarak akibat daripada kelainan upaya mereka daripada sudut penglihatan, percakapan dan fizikal tubuh badan.

## 2 Rukhsah yang berkaitan dengan solat

Azan merupakan syiar Islam bertujuan untuk memberitahu kepada umat Islam bahawa telah masuk waktu solat-solat fardu. Azan hanya dilaungkan apabila telah masuk waktu solat-solat fardu, sebagaimana diriwayatkan oleh Mālik bin al-Ḥuwayrith sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya:

“Apabila masuk solat hendaklah salah seorang daripada kalian untuk melaungkan azan”.  
(HR. Al-Bukhari, nombor 631)

al-Shāficī (2011) berkata tidak menjadi masalah jika seorang yang buta menjadi tukang azan jika disampingnya terdapat orang yang celik memberitahunya telah masuk waktu solat. Begitu juga al-Damīrī (2011) azan orang buta adalah sah jika bersamanya orang celik. Oleh itu, disimpulkan pendapat Ibn Mascūd jika muazin tersebut berseorang dan tiada orang yang memberitahunya tentang masuk waktu solat dikhuatiri akan tersalah waktu melaungkan azan.

Kunci utama bagi solat adalah wuduk, jika wuduk seseorang itu sempurna maka diterima solatnya. Bagi golongan OKU yang terputus anggota wuduk maka dibasuh sekadar baki yang tinggal sahaja (al-Shāficī 2011). Begitu juga disebutkan oleh oleh al-Damīrī (2011) mengatakan pendapat yang rajih adalah wajib membasuh baki bahagian tangan yang menjadi anggota wuduk. Pendapat yang mengatakan anggota wuduk yang terputus wajib dibasuh merupakan pandangan yang masyhur dalam kalangan ulama mazhab Syafii (Al-Mawsūcah 1983). Al-Zuhaylī (1999) berpandukan kepada kaedah *لَا يَسْقُطُ بِالْمَعْسُورِ*, maka wajib untuk membasuh anggota wuduk yang masih berbaki dan jika anggota wuduk tangan yang terputus melebihi daripada siku maka tidak diwajibkan membasuhnya.

Rasulullah SAW setelah berhijrah ke Madinah, baginda akan solat berjemaah walaupun dalam keadaan aman atau tidak. Hal ini dirakamkan al-Quran dalam surah al-Nisā’ ayat 102:

Maksudnya:

“Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan solat dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepuak daripada mereka berdiri (mengerjakan solat) bersama-samamu.”

Orang Kelainan Upaya (OKU) seperti bisu, cacat anggota badan memerlukan orang lain membantunya, tidak dapat hadir solat fardu secara berjemaah, maka ia dibolehkan berdasarkan pendapat dalam mazhab Syafii (Al-Damīrī 2011 & al-Shāficī 2011). Menghadiri solat Jumaat juga termasuk dalam perbincangan ini kerana tidak mampu akibat sakit, lumpuh atau orang buta yang

tidak mampu pergi bersendirian atau tidak ada petunjuk jalan baginya (Muhammad Bakar Ismācīl 1997 & al-Damīrī 2011).

Al-Fawzān (2006) menukulkan daripada Ibn al-Mundhir jika seorang yang buta menjadi imam bagi solat jemaah maka tidak ada perbezaan antaranya dengan golongan tipikal iaitu imam yang celik penglihatannya kerana kedua-dua imam ini termasuk dalam keumuman hadith Nabi SAW:

Maksudnya:

“Yang berhak menjadi imam atas suatu kaum ialah yang paling menguasai bacaan Kitab Allah (al-Quran).”

(HR. Muslim, nombor 673)

Orang yang celik penglihatan bukan menjadi syarat bagi seseorang untuk menjadi imam solat dan hadith ini dalil kepada sah seorang imam yang buta dan ia bukan makruh (cAbd al-Muḥsin 2020 & Sharaf al-Ḥaq 2005). Al-Shāficī (2011) seorang buta boleh menjadi imam jika ada orang yang bantu menunjuk arah kiblat dan kelebihan seorang yang buta adalah tidak pernah melihat perkara-perkara yang tidak elok, tetapi al-Imām al-Shāficī meletakkan imam yang celik lebih utama daripada imam yang buta. Oleh itu, tidak menjadi masalah jika seorang yang buta menjadi imam solat jika memenuhi kriteria yang diperlukan oleh seorang imam. Begitu juga bagi orang yang pekak, mereka dibolehkan untuk menjadi imam dan hukumnya sama seperti orang yang buta (al-Damīrī 2011).

### **3. Rukhsah yang berkaitan dengan puasa**

Orang Islam diwajibkan untuk berpuasa apabila masuk waktu Ramadan, ia difardukan oleh Allah SWT pada tahun ke-2 Hijrah (al-Damīrī 2011). Kefarduan puasa dirakamkan dalam al-Quran dalam surah al-Baqarah, ayat 183:

Maksudnya:

“Wahai orang yang beriman, telah difardukan ke atas kalian puasa seperti yang telah difardukan kepada (umat) sebelum kalian, semoga kalian bertakwa”.

Perlu diketahui bahawa syarat seseorang itu diwajibkan untuk berpuasa adalah berakal, baligh dan mampu berpuasa (al-Damīrī 2011). Bagi golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) kategori sindrom down, maka ia tidak memenuhi syarat yang diwajibkan untuk berpuasa iaitu berakal. Ili Zarifah (2014) sindrom down merupakan satu keadaan masalah dalam perkembangan fizikal dan mental, beliau juga menukulkan daripada JW Chaplin (1995) bahawa sindrom down merupakan satu masalah ataupun cacat melibatkan fizikal yang disertai oleh masalah mental, lidahnya yang tebal, retak ataupun terbelah, wajahnya mendatar dan matanya sepet. Oleh itu, golongan ini tidak perlu untuk berpuasa kerana tidak memenuhi syarat berpuasa dan mereka juga tidak ditaklifkan untuk menunaikannya.

### **4. Rukhsah yang berkaitan dengan zakat**

Zakat adalah elemen penting dan ia termasuk dalam rukun Islam, ia merupakan satu bentuk taḥawun yang ada dalam Islam. Fungsi zakat juga bertindak sebagai penghapus dosa dan memperbaiki akhlak. Perintah mengeluarkan zakat adalah daripada Allah SWT, firmanNya dalam surah al-Baqarah, ayat 43:

Maksudnya:

“Dan dirikanlah kamu akan solat dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk”.

Pengeluaran zakat tidak mengecualikan sesiapa sama ada golongan tipikal mahupun golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), selagi mana syarat-syarat zakat dipenuhi iaitu cukup nisab dan haul setahun, ia tidak hanya terpakai kepada zakat fitrah bahkan juga zakat harta. Nabihah (2017) menukilkan daripada Ab Aziz Mohd Zin (2009) dalam kajiannya Dakwah dalam pelaksanaan ibadah utama, ia membincangkan hukum pengeluaran zakat oleh golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), beliau menyatakan kecacatan golongan ini tidak menjadi penghalang untuk mereka mengeluarkan zakat.

Walau bagaimanapun, permasalahan yang terjadi pada hari ini, adakah semua yang berada dalam golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dikategorikan sebagai asnaf atau tidak? Azman (2018) menukilkan daripada Zulkifli Muda (2013) pemberian zakat kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) perlu diberi penelitian terhadap keadaan OKU tersebut iaitu:

1. Sekiranya mereka miskin atau fakir, maka bantuan zakat diberikan kepada mereka atas bahagian al-riqāb dengan kadar yang membolehkan mereka bebas dan boleh berdikari. Sebagai contoh, memberikan modal yang mencukupi bagi memulakan perniagaan dalam bidang yang sesuai dengan potensi diri OKU tersebut. Pemberian modal sebaiknya diatur dengan strategi yang tersusun daripada pihak yang menguruskan agihan dana zakat negeri.
2. Sekiranya golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) tersebut daripada kalangan yang mempunyai harta tetapi tidak mengetahui cara untuk melepaskan diri daripada belenggu al-riqāb, mereka berhak untuk mendapat bantuan dalam bentuk latihan dan kursus yang dianjurkan oleh agensi dan pihak yang berkaitan.
3. Jika golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) berada dalam kategori orang yang berharta dan boleh melepaskan diri daripada sifat-sifat al-riqāb sama ada dengan usaha sendiri atau dengan bantuan orang yang menanggung nafkahnya, maka mereka ini tidak layak untuk menerima zakat.

Penjelasan sifat al-riqāb berdasarkan pihak Pengurusan Agihan Zakat negeri Terengganu adalah “memerdekakan orang Islam daripada cengkaman-cengkaman dan penaklukan sama ada daripada segi cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang tertentu”.

## **5. Rukhsah yang berkaitan dengan haji**

Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) diwajibkan untuk menunaikan haji kerana mereka telah cukup syarat-syarat wajib haji melainkan pada syarat berkemampuan (al-istiṭācah) kerana terdapat perincian berkaitannya. Al-Damīrī (2011), cIzz al-Dīn (1994) Orang yang buta diwajibkan ke atas mereka untuk menunaikan haji jika dia ada orang yang dipercayai menemaninya kerana ia seperti hukum perempuan yang pergi haji perlu ada mahram, jika orang yang buta tidak mempunyai teman, maka salah satu pendapat dalam mazhab Syafii diwajibkan untuk mengupah orang bagi membantunya menunaikan haji. Orang yang pekak wajib atasnya menunaikan haji jika cukup syarat, manakala bagi orang yang lumpuh wajib baginya jika ada orang yang menolong sepanjang manasik haji.

Orang yang tidak mampu sepenuhnya untuk hadir menunaikan haji seperti lumpuh seluruh badan yang tiada harapan untuk sembuh atau seorang yang sudah sangat tua tidak mampu untuk menempuh perjalanan jauh, maka mereka boleh untuk mengupah orang untuk melalukan badal haji bagi mereka. Hal ini termaktub dalam dua hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibn cAbbās:

Maksudnya:

“Ketika al-Faḍl membonceng Rasulullah SAW datang seorang wanita daripada kaum Khathcam hingga al-Faḍl memandangnya dan wanita itu juga memandangnya. Maka Nabi SAW mengalihkan pandangan al-Faḍl ke arah lain. Wanita berkenaan berkata: “Sesungguhnya

kewajibkan yang telah Allah tetapkan sampai kepada ayahku ketika dia sudah tua sehingga dia tidak mampu untuk menempuh perjalanan, apakah aku boleh melakukan haji untuknya?” Baginda menjawab: “Ya”. Peristiwa ini berlaku ketika Haji Wadac.”

(HR. Al-Bukhari, nombor 1855)

Maksudnya:

“Sesungguhnya ayahku sudah lanjut usia adakah aku lakukan haji untuknya?” Sabda baginda: “Ya, apakah pendapat kamu jika ayah kamu mempunyai hutang kemudian engkau membayarnya, apakah itu telah mencukupi?”

Para Ulama bersepakat dibolehkan untuk melakukan haji bagi pihak yang sudah tidak mampu seperti lumpuh yang tidak akan sembuh dan orang yang buta yang tidak ada orang yang menemaninya, tetapi mereka mempunyai harta (al-Mawsūcah 1990, al-Shāfi‘ī 2011, al-Damīrī 2011 & Muṣṭafā al-Khin et. al 1992).

## 6. Rukhsah dalam nikah dan cerai

kebanyakan kursus pra-perkahwinan yang dianjurkan oleh agensi-agensi agama negeri hanya menumpukan kepada orang tipikal sahaja. Zuliza (2020) mencadangkan agar modul kursus pra-perkahwinan yang sedia ada dilihat semula agar ia lebih mesra kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) pendengaran kerana mereka mempunyai kaedah pembelajaran tersendiri kerana terdapat beberapa masalah seperti metode penyampaian yang lebih kepada golongan tipikal dan kesukaran jurubahasa isyarat untuk menyampaikan semula isi kandungan ceramah kursus.

Khulud Badr (2017) Jumhur para ulama mazhab Syafii menyatakan bisu yang terjadi semulajadi atau akibat kemalangan, seorang yang bisu mampu menulis atau buta huruf, maka dia bergantung kepada bahasa isyarat yang difahami kerana bahasa isyarat merupakan pengganti lisan bagi orang bisu. Perbincangan yang berlaku bagi golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang bisu dan pekak akan terjadi ketika akad nikah. Adakah perlu menggunakan bahasa isyarat atau memanggil penterjemah bahasa isyarat semasa akad nikah dilangsungkan? Hussein Azeemi et. al (2018) memilih pendapat daripada mazhab Maliki dan Hambali iaitu menerima isyarat orang yang bisu selagi ia difahami dengan jelas tanpa membezakan antara bisu sejak lahir atau orang yang tipikal menjadi bisu serta meletakkan isyarat-isyarat sama martabat dengan percakapan biasa.

al-Dawīsh (2002) menukulkan fatwa iaitu berkaitan orang bisu berakad nikah iaitu orang pekak dan bisu menggunakan bahasa isyarat yang difahami sama seperti yang digunakan dalam kehidupan harian, maka bahasa isyarat ini seperti bahasa percakapan biasa orang tipikal. Oleh itu, Islam memberikan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang bisu dan pekak kemudahan dalam bernikah.

Talak akan terlaksana dengan beberapa syarat iaitu (al-Khin et. al 1992); mesti bernikah, dalam keadaan sedar dan atas kehendak diri sendiri. Bagi individu yang tidak waras atau gila maka talaknya tidak diambil pakai, hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah, sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya:

Daripada Abū Hurayrah berkata, sabda Rasulullah SAW: “Setiap penceraian itu boleh berlaku kecuali cerai orang yang kehilangan akalunya”.

(al-Tirmidhī, nombor 1191. Al-Albānī berkata hadith ini Ḍa‘īf Jiddan dan yang sahah hadith ini adalah Mawqūf)



## 7. Peranan pembawa wahyu kepada golongan OKU

Orang Kelainan Upaya (OKU) berkehendak untuk melaksanakan tuntutan syariat sama seperti orang tipikal yang lain tanpa diletakkan sebarang penanda kelainan bagi mereka. keringanan dan kelonggaran yang diberikan oleh syariat ini bukan berbentuk penghinaan akan tetapi ia adalah rahmat bagi golongan seperti ini kerana Rasulullah SAW diutuskan sebagai pembawa rahmat ke seluruh alam sebagaimana firmanNya dalam surah al-Anbiya' ayat 107:

Maksudnya:

“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.

Pada ayat ini boleh diambil faedah keumuman lafaznya tanpa pengkhususan sebab turun ayat ini iaitu pada perkataan rahmat tersebut (cAbd al-Wahhab 1942). Selain itu, peranan Rasulullah SAW juga adalah penyempurna akhlak, sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya:

“Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang baik”.

(HR. Ahmad, nombor 8595, al-Arna'ut berkata hadis ini Sahih)

Selain itu, mengikuti Nabi SAW sebagai panduan merupakan perkara yang dianjurkan. Muhammad (2015) menyatakan sebab perlu mengikuti Nabi SAW dan menjadikan baginda sebagai panduan kerana baginda telah dipilih oleh Allah SWT daripada segenap manusia serta dilimpahi segala ilmu dan hikmah, maka sepanjang kehidupan Rasulullah SAW dipantau dan dijaga oleh Allah SWT.

Kehidupan Rasulullah SAW dikelilingi dengan para sahabat yang mempunyai pelbagai latar belakang dan rupa bentuk. Ibn Kathir (2011), al-Sacdi (2011) & Muhammad (2015) Terdapat satu peristiwa yang menyebabkan turun surah cAbasa ayat 1-8 menceritakan peristiwa Nabi SAW sedang berdakwah kepada para pembesar Makkah yang belum Islam, kemudian Rasulullah SAW didatangi oleh Ibn Ummi Maktum seorang buta yang sudah lama memeluk Islam. Beliau ingin bertanya tentang sesuatu kepada Rasulullah SAW tetapi baginda tidak melayani Ibn Ummi Maktum dan memalingkan muka baginda SAW daripadanya, maka turun ayat ini sebagai teguran kepada Rasulullah SAW. Semenjak daripada peristiwa itu apabila Rasulullah SAW bertemu dengan Ibn Ummi Maktum maka baginda melayani beliau dengan baik serta akan berkata:

Maksudnya:

“Selamat datang bagi orang yang menyebabkan diriku ditegur oleh Tuhanku”.

(HR. Al-Dailami, nombor 6805, al-Albani berkata hadith ini Dacif)

Hadith-hadith yang terdapat di atas dapat diletakkan beberapa bentuk hikmah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam berinteraksi dengan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU):

1. Rasulullah SAW menggalakkan mereka untuk bersabar, mengajar bagaimana untuk bersabar dan ia akan dihapuskan dosa serta dibalas syurga.
2. Nabi SAW sentiasa mendoakan mereka dan mengingatkan bahawa sebab daripada pertolongan Allah untuk umat ini adalah datang daripada golongan OKU.
3. Rasulullah SAW sentiasa menjaga lisan baginda daripada memanggil dengan perkataan yang boleh melukakan hati mereka.
4. Rasulullah SAW sentiasa mengingatkan bahawa fizikal bukan ukuran untuk membezakan antara manusia.
5. Rasulullah SAW memenuhi jemputan daripada golongan OKU dan baginda melakukan ziarah kepada mereka.

## 8. Rasulullah SAW pernah memberikan kepercayaan dan amanah kepada golongan OKU

Keprihatinan terhadap golongan OKU pada hari ini bertambah baik jika dibandingkan dengan masa dahulu walaupun kesedaran itu tidak menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat. Kerajaan Malaysia tidak terlepas dalam memberikan layanan yang sebaiknya kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) ini dengan membina Pelan Tindakan OKU. Pelan Tindakan OKU yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2016) mempunyai Dasar Orang Kurang Upaya (OKU) yang menjadi asas kepada kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Dasar ini juga mendahulukan nilai-nilai hak seperti kemuliaan, kehormatan dan kebebasan bagi golongan ini hidup berdikari.

Pelan Tindakan OKU ini berpandukan kepada Incheon Strategy to “Make the Right Real” for Persons with Disabilities in Asia and the Pacific (2012) yang sebelum itu juga dibina atas beberapa persidangan sebelumnya seperti Convention on the Rights of Persons with Disabilities, Biwako Millenium Framework for Action dan Biwako Plus Five towards an Inclusive, Barrier-free and Rights-based Society for Persons with Disabilities in Asia and the Pacific. Tetapi dalam dasar dan pelan tindakan ini hanya berkisar mengenai hak-hak yang perlu diberikan kepada golongan OKU tanpa disulami dengan nilai-nilai Islam yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat banyak hadith daripada Rasulullah SAW yang membicarakan mengenai golongan OKU antaranya dalam kajian oleh Suhayb Fāyiz Sacīd cAzzām yang bertajuk *Dhawwū al-Iḥtiyājāt al-Khāṣṣah Fī Ḍaw’ al-Qur’ān Wa al-Sunnah* yang mengumpulkan 35 hadith, manakala terdapat 18 hadith yang terdapat dalam kajian oleh cAbd al-Ilāh bin cUthmān al-Shāyic bertajuk *Arā’ Ibn al-Qayyim Ḥawla al-Icāqah*.

## KESIMPULAN

Artikel ini menekankan peranan wahyu dalam memberikan rukhsah (kelonggaran) kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) serta peranan pembawa wahyu iaitu Rasulullah SAW dalam menggauli dan berinteraksi dengan mereka. Rukhsah diberikan kepada orang yang tidak mampu untuk melakukan satu ibadah dengan sempurna sama ada mereka daripada golongan tipikal dan lebih lagi kepada golongan OKU. Terdapat beberapa aspek penting yang perlu diketengahkan apabila melibatkan rukhsah dalam ibadah iaitu daripada sudut solat, zakat, puasa, haji dan nikah cerai. Ibadah solat paling banyak disentuh oleh Rasulullah SAW daripada aspek syarat sah, rukun dan kewajipan menghadiri jemaah kerana ia merupakan asas penting dalam membentuk seseorang yang bergelar muslim. Manakala zakat, puasa, haji dan nikah cerai disentuh daripada aspek kemampuan individu tersebut dalam perlaksanaan. Perbahasan rukhsah lebih tertumpu kepada permasalahan fiqh, akan tetapi seiring dengan peredaran zaman yang melibatkan kepelbagaian jenis penyakit genetik dan teknologi ia perlu dilihat kembali adakah semua permasalahan yang dibincangkan digunapakai kepada golongan ini. Oleh itu, perbahasan ini perlu diteruskan lagi bagi perincian perbahasan rukhsah yang bergantung kepada jenis-jenis penyakit dan kecacatan yang dihidapi. Selain itu, penambahan kepada mencari hikmah disebalik rukhsah yang diberikan oleh syarak agar golongan OKU ini dapat merasa mereka bukan daripada kalangan yang dieksklusifkan oleh agama.

## Bibliografi

Al-Qur'an al-Karim

cAbd al-Wahhab Khallaf. 1942. cIlm Usul al-Fiqh. Mesir: Maktabat al-Dacwah al-Islamiyyah.

Abdul Munir Ismail, Mazdi Marzuki, Mohd Noor Daud & Abdul Hadi Borham. 2015. Penyediaan Kemudahan: Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid-Masjid: Kajian Kes di Masjid-Masjid Daerah Batang Padang. Dalam Al-Hikmah. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Abū Dāwud Sulaymān bin al-Ashcath al-Azdiy al-Sijstānī. 2009. Sunan Abī Dāwud. Dār al-Rasālat al-cĀlamiyyah.

Azman Ab Rahman. 2018. Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) sebagai Asnaf al-Riqāb di Malaysia. Dalam Journal of Fatwa Management and research (JFatwa). Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

al-Bukhārī Muḥammad bin Ismācīl Abū cAbd Allāh. 2002. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Dimashq: Dār Ibn Kathīr.

al-Damīrī Muḥammad bin Mūsā bin cIsā Abū al-Baqā' Kamāl al-Dīn. 2011. Al-Najm al-Wahj Fī Sharḥ al-Mīnhāj. Beirut: Dār al-Mīnhāj.

Fadl Hasan cAbbas. 2007. Muḥadarat fī cUlum al-Qur'an. Jordan: Dar al-Nafa'is.

al-Fawzān cAbd Allāh bin Ṣāliḥ. 2006. Mīnhāt al-cAllām Fī Sharḥ Bulūgh al-Marām. Dammam: Dār Ibn al-Jawzī.

Ibn al-Mundhir Muḥammad bin Ibrāhīm al-Naysabūrī. 2002. Kitāb Tafsīr al-Qur'an. Madinah: Dār al-Ma'āthir.

Ili Zarifah binti Zainudin. 2014. Masalah yang Dihadapi oleh Kanak-Kanak Sindrom Down ketika Sesi Pembelajaran dan Pelajaran Matematik. Dalam International Education Postgraduate Seminar (IEPS) 23-24 November 2014. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Ismacil Ghaziy Marhaban. 2016. Rukhas al-Marid al-Syarcīyyah al-Mutacalliḡah bi al-Solah wa Tatbiqatuhā al-Mucasirah. Riyadh: Universiti Malik Saud.

cIzz al-Dīn cAbd al-cAzīz bin Jamācāh al-Kinānī. 1994. Hidāyat al-Sālik Ilā al-Madhāhib al-Arbacāh Fī al-Manāsik. Tahkik Nūr al-Dīn cItr. Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah.

Khulud Badr al-Zamanān. 2017. Shurut cAqd al-Nikah fī al-Fiqh al-Islamiy wa Ikhtiyarat Qanun al-Ahwal al-Shaksiyyah al-Kuwaitiyyah maca bacd al-Qawanin al-Ukhra. Dalam Majallat Kulliyat al-Sharciyyah wa al-Qanun bi Tanta. Mesir: Universiti al-Azhar.

Mahmud Tahhan. 2012. Taysir Mustalah al-Hadith. Pakistan: Maktabat al-Bushra.

Muḥammad Bakr Ismācīl. 1997. Al-Fiqh al-Wāḡiḡ Mīn al-Kitāb Wa al-Sunnah cAlā al-Madhāhib al-Arbacāh. Kaheerah : Dār al-Manār.

Muhammad Nabil al-cUmarīy. 2016. Al-cIbadah fī al-Islam wa cAlaḡatuhā bi al-Tawhid. Jordan: Universiti Jordan.

Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā & cAliy al-Sharbājī. 1992. Al-Fiqh al-Mahājī cAlā Madhhab al-Imām al-Shāfīcī. Damsyik : Dār al-Qalam.

Nabihah binti Ismail, Hamdi bin Ishak & Tengku Intan Zarina binti Tengku Puji. 2017. Halangan Ekonomi dalam Menunaikan Tuntutan Zakat di Kalangan OKU Penglihatan. Dalam Jurnal 'Ulwan. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.

Nizām al-Dīn al-Ḥasan bin Muḥammad bin Ḥusayn al-Qummī al-Naysabūrī. 1996. Tafsīr Gharā'ib al-Qur'an Wa Raghā'ib al-Furqān. Beirut: Dār al-Kutub al-cIlmiyyah.

Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin, Hasliza binti Talib & Siti Zaleha binti Ibrahim. 2019. Kolaborasi Interaksi Masyarakat Terhadap Golongan Kurang Upaya di Institusi Masjid. Dalam Journal of Social Sciences and Humanities. Bandar Baru Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

al-Sacdi cAbd al-Raḥmān bin Nāṣir. 2011. Taysīr al-Karīm al-Raḥmān Fī Tafsīr Kalām al-Mannān. Arab Saudi: Dār Ibn Jawzī.

Sajidah Taha Mahmud al-Fahdawiyy. 2009. Athar al-cIbadah fī Namt al-Tarbiyyah al-Islamiyyah. Dalam Majallat Jamicah al-Anbar li al-cUlum al-Islamiyyah. Iraq: Universiti al-Anbar.

al-Shāfīcī Muḥammad bin Idrīs. 2011. Al-Um. Tahkik Rifcat Fawzī cAbd al-Muṭalīb. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

Sharaf al-Ḥaḡ al-cAzīm Ābādī. 2005. cAwn al-Macbud cAlā Sharḥ Sunan Abī Dāwud. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

al-Shacrawī Muḥammad Mutawallī. 2010. Tafsīr Wa Khawāṭir al-Imām Muḥammad Mutawallī al-Shacrawī (Khawāṭir Imaniyyah). Mesir : Dār al-Nūr.

Turki bin Sacd bin Fahid al-Huwaymil. 2014. Al-Wahy: Tacrifuh wa Anwacuh wa Kayfiyyatuh wa Tafnid Syubh al-Jahidin lah. Dalam Majallat al-cUlum al-Syarcīyyah. Arab Saudi : Universiti Islam al-Imam Muhammad bin Sacud.

al-Zuhayli Muḥammad. 1999. Al-Muctamad Fī al-Fiqh al-Shāfīcī. Damsyik : Dār al-Qalam